

Tradisi Intelektual dalam Tamadun Islam Alam Melayu: Analisis Kitab Melayu Klasik Abad ke-17 hingga ke-19
(Intellectual Tradition of Islamic Civilization in the Malay World: An Analysis of Classical Malay Works from the 17th to the 19th Century)

Mohd Pua'ad bin Abdul Malik,* Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid**
& Rahimin Affandi Abd. Rahim***

Abstrak

Kajian ini membincangkan tipologi penulisan karya fiqh Melayu klasik yang dihasilkan di Alam Melayu dari abad ke-17 hingga ke-19. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan mengkategorikan karya-karya ini berdasarkan dua pendekatan utama: analisis kronologi dan analisis metode penulisan. Dengan menggunakan kaedah analisis kandungan yang komprehensif, kajian ini memetakan corak dan evolusi penulisan fiqh. Hasilnya, kajian ini berjaya mengesan pola-pola khusus dalam tradisi penulisan, yang menunjukkan perkembangan ketara dari segi metodologi dan kepelbagaian subjek yang dibincangkan. Penemuan ini membuktikan dinamisme intelektual yang membentuk khazanah kesjaranaan Islam di rantau ini. Secara ringkas, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang sejarah intelektual Islam di Alam Melayu. Ia bukan sahaja menyediakan sumber pengetahuan baharu mengenai evolusi fiqh, malah juga memberikan penghargaan terhadap sumbangan intelektual para ulama Melayu dalam membentuk pemikiran hukum Islam yang progresif dan relevan dengan konteks tempatan.

Kata kunci: Tipologi penulisan, karya fiqh Melayu klasik, pemetaan sistematik, sejarah intelektual Islam, kesjaranaan Melayu, analisis kronologi, persuratan Islam di Alam Melayu

Abstract

This study examines the typology of classical Malay fiqh writings produced in the Malay World from the seventeenth to the nineteenth centuries. Accordingly, the study aims to identify and categorise these works based on two principal approaches: chronological analysis and analysis of writing methodology. Employing a comprehensive content analysis method, the study maps the patterns and evolution of fiqh writing. The findings successfully identify distinct patterns within the writing tradition, revealing significant developments in terms of methodology and the diversity of subjects addressed. These findings demonstrate the intellectual dynamism that shaped the Islamic scholarly heritage of the region. In summary, this study contributes to a deeper understanding of Islamic intellectual history in the Malay World. It not only provides new insights into the evolution of fiqh but also highlights the intellectual contributions of Malay scholars in shaping a progressive form of Islamic legal thought that is responsive to local contexts.

Keywords: Writing typology, classical Malay fiqh works, systematic mapping, Islamic intellectual history, Malay scholarship, chronological analysis, Islamic literature in the Malay World

Pendahuluan

Tradisi penulisan karya fiqh dalam peradaban Melayu merupakan manifestasi kecemerlangan intelektual yang telah berkembang sejak abad ke-17 hingga mencapai puncaknya pada abad ke-19.¹ Khazanah ilmu fiqh Melayu ini bukan sekadar pemindahan pengetahuan dari sumber-sumber Arab yang telah sedia ada, tetapi merupakan hasil interpretasi, adaptasi, dan inovasi kreatif para fuqaha Melayu dalam merespons keperluan masyarakat setempat.

* Mohd Pua'ad bin Abdul Malik (PhD), Lecturer, Department of Islamic and Moral Educations, Institute of Teacher Education Internasional Language Campus, Kuala Lumpur, Malaysia.

** Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid (corresponding author) (PhD), Associate Professor, Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: faisal@um.edu.my.

*** Rahimin Affandi Abd. Rahim (PhD), former Associate Professor, Department of Fiqh Usul and Applied Sciences, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

¹ Yasrul Huda, Jajat Burhanuddin, Mahmood Kooria, "Strengthening The Shafi'i Madhhab: Malay Kitab Jawi Of Fiqh In The 19th Century," *Juris: Jurnal Ilmiah Syari'ah* 22, no. 2 (2023): 259-273.

Perkembangan penulisan karya fiqh di Alam Melayu menunjukkan dinamika intelektual yang luar biasa, di mana jaringan ulama dan cendekiawan telah membentuk rangkaian pengetahuan yang merentasi sempadan geografi dari Aceh, Tanah Melayu, hingga Patani. Hubungan intelektual ini bukan hanya terbatas pada aspek keagamaan semata-mata, tetapi turut meliputi dimensi perdagangan, budaya, bahasa, dan seni yang saling berjaln dalam membentuk identiti kesarjanaan Melayu yang unik.²

Tradisi kesarjanaan Islam di Alam Melayu telah menghasilkan khazanah intelektual yang kaya dan kompleks, khususnya dalam bidang fiqh yang mencerminkan dinamika pemikiran hukum Islam dalam konteks sosio-budaya Melayu. Warisan intelektual ini tidak hanya merupakan hasil pemindahan ilmu dari pusat-pusat pembelajaran Islam tradisional seperti Makkah, Madinah, dan Al-Azhar, tetapi juga manifestasi kreativiti dan inovasi para fuqaha Melayu dalam mengadaptasi dan mengembangkan pemikiran hukum Islam mengikut keperluan masyarakat tempatan.

Kedatangan Islam ke Alam Melayu pada abad ke-13 dan ke-14 melalui pedagang Arab, Parsi, dan India telah menjadi katalis kepada transformasi intelektual yang mendalam. Proses Islamisasi yang berlaku secara beransur-ansur tidak hanya mengubah landskap keagamaan, tetapi juga mewujudkan ekosistem intelektual yang dinamik. Kerajaan-kerajaan Islam awal seperti Kerajaan Pasai, Melaka, dan Aceh menjadi pusat-pusat pembelajaran yang menarik ulama dari pelbagai pelosok dunia Islam, sekaligus melahirkan generasi sarjana tempatan yang kompeten.

Tradisi Penulisan Fiqh Melayu

Perkembangan tradisi penulisan karya fiqh Melayu dari abad ke-17 hingga ke-19 menunjukkan evolusi yang kompleks dan menarik. Tempoh ini menyaksikan transformasi yang signifikan dalam metodologi penulisan, pendekatan intelektual, dan teknologi penyebaran ilmu. Para fuqaha Melayu tidak sekadar bertindak sebagai penterjemah atau pengadaptasi karya-karya klasik, tetapi juga sebagai pemikir yang menghasilkan karya asli yang relevan dengan konteks Alam Melayu.

Abad ke-17 menandakan bermulanya era keemasan penulisan karya fiqh Melayu dengan kemunculan tokoh-tokoh seperti Syeikh Nuruddin ar-Raniri, Syeikh Abdul Rauf as-Singkili, dan Syeikh Daud al-Fatani. Karya-karya perintis ini meletakkan asas metodologi penulisan yang menggabungkan kekuatan tradisi klasik dengan keperluan kontekstual masyarakat Melayu. Penggunaan bahasa Melayu sebagai medium utama penulisan bukan sahaja memudahkan penyebaran ilmu, tetapi juga mencerminkan kesedaran para ulama tentang kepentingan budaya dan lingkungan setempat dalam pendidikan agama.

Tradisi penulisan fiqh Melayu tidak berkembang dalam vakum, tetapi melalui jaringan intelektual yang luas dan kompleks. Hubungan yang terjalin antara pusat-pusat pembelajaran di Makkah dan Madinah dengan institusi-institusi pendidikan di Alam Melayu telah menyediakan ruang dan tempat untuk pertukaran ilmu yang berkesan. Para ulama Melayu yang menuntut di Haramain tidak hanya memperoleh ijazah dalam pelbagai disiplin ilmu Islam, tetapi juga membawa pulang metodologi pengajaran dan penulisan yang kemudiannya disesuaikan dengan konteks tempatan.

Jaringan intelektual ini turut merangkumi hubungan antara pusat-pusat pembelajaran dalam Alam Melayu sendiri. Institusi seperti Dayah di Aceh, Pondok di Tanah Melayu, dan Pondok Pasantren di Jawa telah mewujudkan ekosistem pembelajaran yang saling menyokong. Mobiliti ulama antara pusat-pusat ini telah memungkinkan penyebaran idea dan metodologi penulisan yang kemudiannya membentuk ciri-ciri khas tradisi intelektual Melayu.

Perkembangan tradisi penulisan fiqh Melayu tidak dapat dipisahkan dari dinamika sosio-politik yang berlaku pada tempoh kajian. Kehadiran kuasa kolonial Eropah mulai abad ke-16 telah mengubah lanskap politik dan ekonomi Alam Melayu, sekaligus memberikan cabaran dan peluang baharu kepada

² Lihat Azra, Azyumardi. *The Origins of Islamic Reformism in Southeast Asia: Networks of Malay-Indonesian and Middle Eastern 'Ulama' in the Seventeenth and Eighteenth Centuries* (University of Hawai'i Press, 2004).

Tradisi Intelektual dalam Tamadun Islam Alam Melayu: Analisis Kitab Melayu Klasik Abad ke-17 hingga ke-19 tradisi keilmuan Islam.³ Para fuqaha Melayu terpaksa menghadapi realiti baharu di mana sistem perundangan tradisional berhadapan dengan sistem perundangan kolonial yang diimport dari Eropah.⁴

Dalam konteks ini, penulisan karya fiqh tidak hanya berfungsi sebagai panduan keagamaan, tetapi juga sebagai instrumen untuk mempertahankan identiti dan autonomi masyarakat Muslim Melayu. Karya-karya seperti “*Siraj al-Huda*” oleh Syeikh Abdul Samad al-Palimbani dan “*Furu' al-Masa'il*” oleh Syeikh Daud al-Fatani menunjukkan usaha para ulama untuk memberikan panduan praktikal yang relevan dengan cabaran-cabaran kontemporari yang dihadapi oleh masyarakat. Salah satu perkembangan yang paling signifikan dalam tradisi penulisan fiqh Melayu adalah transformasi dari tradisi manuskrip kepada teknologi percetakan pada abad ke-19.⁵ Pengenalan teknologi percetakan di pusat-pusat seperti Bombay,⁶ Kaherah,⁷ dan kemudiannya Singapura telah merevolusi cara karya-karya fiqh disebar dan diterima oleh masyarakat.

Peralihan ini bukan sahaja meningkatkan kebolehcapaian karya-karya fiqh kepada khalayak yang lebih luas, tetapi juga memungkinkan ada satu standard ilmiah yang seragam bagi teks agama dan mengurangkan variasi yang sering berlaku dalam tradisi manuskrip. Namun demikian, transformasi ini turut membawa cabaran baharu, khususnya dalam mengekalkan kualiti dan ketulenan teks yang telah menjadi ciri khas tradisi penulisan klasik. Para fuqaha Melayu telah mengembangkan metodologi penulisan yang unik yang menggabungkan kekuatan tradisi ualam Islam klasik dengan pendekatan pragmatik yang disesuaikan dengan keperluan masyarakat tempatan. Penggunaan pendekatan komparatif antara mazhab, khususnya mazhab Syafi'i yang dominan di Alam Melayu dengan mazhab-mazhab lain, telah menjadi ciri khas yang membezakan karya-karya fiqh Melayu dari karya-karya klasik Arab.

Selain itu, integrasi unsur-unsur budaya tempatan dalam perbincangan hukum Islam telah menjadi sumbangan tersendiri para fuqaha Melayu kepada khazanah fiqh sejagat. Perbincangan tentang isu-isu seperti adat tempatan, perdagangan maritim, dan kehidupan masyarakat pesisir dalam kerangka hukum Islam⁸ menunjukkan keupayaan para ulama Melayu untuk menjembatani jurang antara teori dan praktik.

Permasalahan Kajian

Tinjauan terhadap kajian-kajian lepas menunjukkan beberapa kesenjangan penting yang perlu ditangani: Pertama, kekurangan pendekatan tipologi yang sistematik. Kebanyakan kajian sedia ada menggunakan pendekatan kronologi atau biografis tanpa analisis tipologi yang mendalam tentang corak dan metodologi penulisan karya fiqh Melayu. Kedua, ketiadaan pemetaan komprehensif yang merangkumi perkembangan tiga abad (abad ke-17 hingga ke-19). Kajian-kajian sedia ada cenderung memfokuskan kepada tempoh atau wilayah tertentu tanpa memberikan gambaran menyeluruh tentang evolusi tradisi penulisan. Ketiga, kekurangan analisis komparatif yang mendalam antara karya-karya dari era dan wilayah yang berbeza dalam Alam Melayu. Pendekatan perbandingan yang sistematik diperlukan untuk memahami kesinambungan dan perubahan dalam tradisi penulisan. Keempat, kurangnya perhatian terhadap aspek metodologi penulisan dan teknik penyusunan yang digunakan oleh para fuqaha Melayu. Analisis terhadap struktur, gaya bahasa, dan pendekatan argumentation masih belum mendapat perhatian yang sewajarnya. Kesenjangan-kesenjangan ini menjustifikasikan keperluan untuk kajian yang menggunakan pendekatan tipologi sistematik dalam menganalisis tradisi penulisan karya fiqh Melayu klasik.

³ Carolina Lopez, “The British Presence in the Malay World: A Meeting of Civilization Traditions,” *SARI* 19 (2001): 3-33; Azmi Aziz dan Mostafa Kamal Mokhtar, “Transisi Penting Sistem Berkerajaan di Alam Melayu: Kes Malaysia (Major Transitions in the Government System of the Malay World: The Case of Malaysia),” *Akademika* 81, no. 2 (2011): 80.

⁴ Shamsul Amri Baharuddin, “Perancangan Pembangunan Negara Selepas Merdeka 1957-1975: Tinjauan Sejarah Perkembangan Sosio-Ekonomi Malaysia,” dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan* ed. Khoo Kay Kim dan Jazamuddin (Persatuan Sejarah Malaysia, 1979), 337-339.

⁵ Martin Van Bruinessen, *Kitab Kuning, Pesantren dan Tarekat: Tradisi-Tradisi Islam di Indonesia* (Mizan, 1995), 135-137.

⁶ Abu Hanifah Haris, “Kaherah Sebagai Pusat Percetakan Karya Melayu-Islam, 1880-An Hingga 1960-An,” *Jurnal al-Tamadun* 9, no. 1 (2014): 15-31.

⁷ Penerbitan Mustafa al-Babi al-Halabi, Qaherah adalah pusat percetakan yang banyak mencetak karya-karya fiqh Melayu; Muhammad Redzuan Othman, “The Egypt Religious and Intellectual Influence on Malay Society,” *KHATA The Official Journal of the Centre for the Civilisational Dialogue* 1, no. 1 (2018): 26.

⁸ Zainun, Nazarudin, ed. *Antropologi Dan Sejarah Dalam Kearifan Tempatan* (Penerbit USM, 2015).

Tradisi penulisan karya fiqh dalam khazanah kesarjanaan Islam Melayu klasik (abad ke-17 hingga ke-19) memperlihatkan kepelbagaian yang kompleks dari segi metodologi, kronologi perkembangan, dan pendekatan penulisan. Walau bagaimanapun, analisis sistematik yang menyeluruh tentang tipologi dan corak evolusi penulisan karya fiqh Melayu masih terhad, menyebabkan pemahaman yang tidak komprehensif tentang dinamika intelektual dan sumbangan para fuqaha Melayu dalam pembentukan pemikiran hukum Islam di Alam Melayu. Permasalahan kajian ini dapat dirincikan kepada dua aspek utama: Pertama, ketiadaan pemetaan sistematik yang jelas. Belum terdapat kajian yang memetakan secara sistematik tipologi penulisan karya fiqh Melayu klasik yang dapat menggambarkan corak dan evolusi penulisan dari perspektif kronologi dan metodologi. Kekurangan ini mengakibatkan pemahaman yang terfragmentasi tentang perkembangan tradisi keilmuan fiqh di Alam Melayu. Kedua, kekurangan analisis komparatif yang mendalam. Analisis perbandingan yang komprehensif antara karya-karya fiqh Melayu dari era yang berbeza masih belum dilakukan untuk mengenal pasti kesinambungan dan perubahan dalam tradisi penulisan. Keadaan ini menyukarkan pemahaman tentang evolusi pemikiran dan metodologi penulisan sepanjang tempoh kajian.

Kepentingan Kajian

Kepentingan mengkaji tipologi penulisan karya fiqh Melayu klasik terletak pada pemahaman mendalam tentang evolusi pemikiran hukum Islam dalam konteks Melayu. Pendekatan tipologi menawarkan kerangka metodologi yang sistematik untuk memahami kronologi, tema, dan corak perkembangan penulisan yang telah berlaku sepanjang tiga abad yang membentuk tradisi intelektual Alam Melayu.

Melalui analisis kronologi dan perbandingan tema, kajian ini dapat mengesan kesinambungan tradisi intelektual serta inovasi-inovasi baharu yang diperkenalkan oleh para fuqaha Melayu. Kajian ini juga bertujuan menyingkap kompleksitas dan kekayaan tradisi penulisan fiqh Melayu melalui pendekatan tipologi yang menyeluruh.

Dengan meneliti karya-karya masyhur dari setiap abad, pemahaman tentang bagaimana para ulama Melayu tidak hanya menerima dan memindahkan ilmu, tetapi turut menyumbang kepada perkembangan pemikiran hukum Islam yang sesuai dengan konteks sosio-politik dan budaya masyarakat Melayu dapat dicapai. Kajian ini diharapkan dapat memberikan perspektif baharu dalam memahami warisan intelektual Melayu serta sumbangannya kepada khazanah ilmu Islam sejagat.

Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk membangunkan kerangka tipologi yang komprehensif bagi penulisan karya fiqh Melayu klasik melalui pendekatan pemetaan sistematik yang merangkumi perkembangan dari abad ke-17 hingga abad ke-19.⁹ Untuk mencapai objektif umum tersebut, tiga objektif khusus telah ditetapkan:

1. Pemetaan Kronologi: Untuk memetakan secara sistematik corak penulisan karya fiqh Melayu klasik berdasarkan kronologi penulisan dari abad ke-17 hingga abad ke-19.
2. Kategorisasi Metodologi: Untuk mengkategorikan metode penulisan yang digunakan oleh para fuqaha Melayu dalam karya-karya fiqh klasik.
3. Pembinaan Instrumen Analisis: Untuk membina rajah pemetaan dan jadual analisis yang komprehensif bagi tipologi penulisan karya fiqh Melayu.

Di samping itu, pendekatan tipologi merupakan suatu metode¹⁰ bagi memahami kronologi catatan sejarah penulisan. Metode ini dianggap satu objektif utama oleh kebanyakan ahli sosiologi karena mengandungi klasifikasi tema yang sesuai dengan tipenya kemudian dibandingkan dengan tema yang sama.¹¹ Pengkaji juga menghasilkan rajah tipologi pemetaan karya fiqh Melayu berdasarkan tema penulisan. Tema-tema penulisan diteliti dan dibandingkan mengikut perbandingan tahun dan abad. Rasional tema penulisan karya fiqh Melayu dipilih kerana kaitannya dianggap relevan dalam tipologi

⁹ Deskripsi penulisan karya fiqh Melayu klasik yang dibentangkan bukanlah kronologi yang kompleks namun ia menyingkap masa lampau dengan sisipan proses latar belakang persekitaran, latar masa, lokasi, situasi, keadaan sosio-politik setempat, budaya dan pengalaman hidup pengarang. Penganalisaan tipologi kronologi mengupas penulisan intelektual karya fiqh Melayu klasik dicatatkan mengikut lakaran penulisan sejarah.

¹⁰ Wiwik Setyaningsih, *Metodologi Penelitian Tipologi* (Penerbitan dan Percetakan UNS, 2015), 1-10.

¹¹ A. Mukti Ali, "Metodologi Ilmu Agama Islam," dalam *Metodologi Penelitian Agama* ed. Taufik Abdullah (Tiara Wacana, 2004), 62.

Tradisi Intelektual dalam Tamadun Islam Alam Melayu: Analisis Kitab Melayu Klasik Abad ke-17 hingga ke-19 penulisan karya fiqh Melayu klasik. Ini kerana, karya penulisan dijadikan sumber utama menjelaskan jalinan hubungan fuqaha dan intelektual, hubungan guru-murid, sahabat, keluarga ataupun kerabat. Di samping itu, informasi jaringan sejarah intelektual dan karya penulisan menjadi penghubung kepada perkembangan ilmu pengetahuan¹² dan dakwah dalam bentuk jihad kalimah dan lisan. Ia merupakan satu wasilah yang ideal untuk membentangkan fikrah dengan gaya bahasa yang menarik dan diterima oleh akal yang rasional.¹³

Tipologi Kronologi

Tema pertama dibincangkan ialah kronologi. Kronologi bermaksud susunan peristiwa (kejadian) menurut masa berlakunya peristiwa berkenaan.¹⁴ Gambaran huraian sesuatu kejadian untuk menyusun peristiwa mengikut waktu dan catatan masa lalu.¹⁵ Deskripsi penulisan karya fiqh Melayu klasik yang dibincangkan di sini bukanlah kronologi yang kompleks namun menyingkap masa lampau dengan sisipan proses latar belakang persekitaran, latar masa, lokasi, situasi, keadaan sosio-politik setempat, budaya dan pengalaman hidup pengarang. Penganalisaan tipologi kronologi mengupas penulisan intelektual karya fiqh Melayu klasik dicatatkan mengikut lakaran penulisan sejarah. Penelitian dan pengamatan yang dilakukan terhadap penulisan, ciri dan spesifikasi. Hasilnya, menjana informasi dan data yang lebih spesifik dalam penulisan mengikut zaman.¹⁶ Secara dasarnya, karya fiqh Melayu abad ke-17 hingga abad abad ke-19 diklasifikasikan kepada dua tipologi iaitu karya manuskrip dan karya cetakan. Hasilnya, tipologi penulisan berkembang dengan kepelbagaian bentuk variasi penulisan.

Pendekatan tipologi kronologi karya fiqh Melayu bermula abad ke-17 hingga berada di kemuncaknya pada abad ke-19. Ini kerana, proses perkembangan intelektual di Alam Melayu melalui tiga era yang berbeza.¹⁷ Namun, tidak dinafikan, tamadun Melayu seperti Aceh, Tanah Melayu dan Patani letaknya berserakan di tenggara benua Asia mempunyai khazanah warisan yang unik.¹⁸ Ini dapat dilihat, tradisi penulisan karya fiqh Melayu berkembang dengan pelbagai latar abad serta di lokasi yang yang berbeza.¹⁹ Secara tersirat, penulisan karya fiqh Melayu klasik telah meletakkan senario zaman pencerapan ilmu fiqh bagi menyuntik semangat umat Melayu.

Dalam catatan sejarah, proses perkembangan penulisan karya fiqh berkembang seiring dengan kedatangan Islam di Alam Melayu. Maka, kronologi perkembangan diadun dari zaman pra-Islam hingga berkembang dengan dinamik. Bentuk kronologi merupakan hasil sejarah yang berpusat pada tindakan manusia dan masih merupakan susunan kosmologi kejadian yang bersifat semula jadi. Melalui kronologi, terungkap esensi naratif sejarah dengan batasan waktu dan urutan kejadian. Dalam konteks penzamanan, tidak dinafikan penulisan karya fiqh Melayu klasik menyumbang pembentukan nilai intelektual. Dalam tipologi kronologi, pengkaji membentangkan dua karya fiqh Melayu masyhur yang terpilih abad ke-17. Pertama karya *Sirat al-Mustaqim* ditulis sekitar tahun 1644M. Manakala, karya *Mir'ah al-Tullab fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Syari'ah li Mulk al-Wahhab* ditulis pada 1672M. Jarak masa di antara karya *Sirat al-Mustaqim* dan karya *Mir'ah al-Tullab* adalah selama 28 tahun. Manakala, Pada abad ke-18 selama 54 tahun terdapat lima karya fiqh masyhur yang terpilih di lokasi dan tempat yang berbeza.

¹² Ajidar Matsyah, "Jaringan Ulama-Ulama Melayu dalam Manuskrip" (makalah, Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan, Banda Aceh, Indonesia, 2013), 17-20.

¹³ Zawawi Yusoff dan Engku Ahmad Zaki, *Manhaj Kesufian Tok Ku Paloh* (Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2015), 63.

¹⁴ *Kamus Dewan*. ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 831, entri kronologi.

¹⁵ "Kronologi" diakses 26 Julai 2018, <https://ms.wikipedia.org/wiki/Kronologi>.

¹⁶ Penzamanan bermaksud proses membahagikan perkembangan sejarah kepada beberapa abad dan zaman.

¹⁷ Pengkaji telah menghuraikan proses perkembangan intelektual di Alam Melayu.

¹⁸ Wujud kesinambungan dan peranan yang dimainkan dilokasi dan tempat yang berbeza dalam penulisan karya fiqh Melayu klasik. Tidak dinafikan, lokasi di Aceh, Tanah Melayu dan Patani memainkan peranan signifikan pada fasa perkembangan penulisan karya fiqh Melayu klasik.

¹⁹ Aceh dianggap wilayah terawal menjalinkan hubungan intelektual keagamaan dengan pusat tamadun Islam di Timur Tengah khususnya di Mekah dan Madinah. Ketika itu Aceh merupakan tempat persinggahan strategik jamaah Alam Melayu dalam perjalanan pergi dan balik dari bumi Haramayn. Maka, proses Islamisasi membantu perkembangan penulisan fiqh Melayu di Aceh. Pada abad ke-17 Aceh muncul sebagai pusat penulisan manuskrip Melayu yang unggul di Alam Melayu. Manakala, berdasarkan fakta sejarah penulisan intelektual karya agama Melayu sangat dinamik di bahagian wilayah timur Semenanjung Melayu yang merangkumi negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Patani. Ini kerana, ketiga-tiga negeri ini mempunyai hubungan politik dan diplomatik sehingga disebut Negara Patani Besar. Sementara itu, aktiviti keilmuan dan penulisan merupakan kegiatan yang penting di Patani sejak abad ke-17. Terdapat dorongan dan galakan dari pembesar dan Sultan yang beragama Islam di Patani yang menggalakkan kegiatan penulisan; Mohd Zamberi A. Malek, *Fatani dalam Tamadun Melayu* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 92; Ismail hamid, *Peradaban Melayu*, 44.

Manakala, karya fiqh Melayu masyhur yang terpilih abad ke-18 iaitu karya *al-kifayah* 1726M, karya *Hidayah al-'Awam* 1727M, karya *Safinah al-Hukkam fi Talkhis al-Khisam* 1740M, karya *Hujjah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah* 1745M dan karya *Sabil al-Muhtadin li Tafaqquh fi Amr al-Din* 1780M. Walaupun terdapat unjuran perkembangan karya fiqh Melayu yang berbeza mengikut tahun dan abad namun penulisannya masih dapat dicatatkan selepas abad ke-17.²⁰ Namun, bagi pengkaji abad ke-18 adalah proses kesempurnaan perkembangan penulisan karya fiqh Melayu klasik. Abad ini menyaksikan kemunculan tokoh-tokoh fuqaha Melayu.²¹ Ia abad bermulanya kemunculan variasi tajuk dan subjek baharu penulisan fiqh Melayu klasik dicatatkan. Pembatasan tidak terhad kepada topik ibadat namun terdapat pengemaskinian subjek fiqh *al-qadi*, *mu'amalah* dan *fiqh al-mirath*.

Kemunculan dan penciptaan subjek baharu penulisan merupakan perjuangan membangunkan ilmu pengetahuan yang terbit dari minda fuqaha Melayu untuk mengangkat kepentingan idealisme baharu penulisan fiqh. Di samping itu, sesuatu kajian perkembangan khususnya penulisan pasti membabitkan kepada pelbagai faktor. Antaranya, faktor sosio, politik dan ekonomi. Begitu juga, suasana kehidupan sosiopolitik-intelektual masyarakat Melayu yang rencam turut menyumbang kepada perkembangan pemikiran yang beragam.

Sementara itu, abad ke-19 mencatatkan perkembangan produktif dalam penulisan dengan tambahan 15 karya fiqh Melayu masyhur yang terpilih. Bermula dengan karya *Idah al-Albab* 1809M sehingga penulisan karya *al-Fatawa al-Fataniyyah*. Selama hampir seratus tahun terdapat 15 karya fiqh Melayu masyhur yang terpilih dihasilkan di lokasi yang berbeza antara Aceh, Tanah Melayu dan Patani. Legasi produktiviti kematangan penulisan karya fiqh Melayu klasik berkembang dengan dinamik pada abad ke-20 dengan kemunculan subjek penulisan fiqh yang lebih dinamik. Faktor ini menjadikan tipologi kronologi penulisan karya fiqh Melayu semakin kreatif dalam penulisan ilmu usul,²² falak,²³ *mirath*,²⁴ wakaf,²⁵ zakat,²⁶ fatwa²⁷ fiqh jumaat,²⁸ faraid²⁹ dan *khilafiyah*³⁰ dicatatkan dalam penulisan karya fiqh Melayu klasik.

Evolusi penulisan karya fiqh Melayu terus berkembang pesat dengan subjek yang kompetatif dengan pendekatan baharu penulisan mengikut tahun dan abad. Dinamisme penulisan menunjukkan sifat manusia Melayu bertamadun kerana wujudnya sistem tulisan diungkapkan dalam kognitif pemikiran. Ia menjadi wadah perkembangan penulisan karya fiqh Melayu. Orang Melayu faham bahawa sistem fiqh Islam bukannya diturunkan secara legkap oleh Allah, ia perlu dibangunkan melalui penyelidikan hukum dilapangan. Sejajar dengan itu, pengkaji boleh menyatakan abad ke-17 adalah abad rintis penulisan karya fiqh Melayu, abad ke-18 merupakan proses kematangan dan penyempurnaan penulisan, manakala abad ke-19 abad produktiviti dan dinamika penulisan.

²⁰ Mohd Puaad Abdul Malik, Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Analisa Perkembangan dan Kearifan Tempatan: Karya Fiqh Melayu Klasik," *Jurnal Fiqh* 17, no. 1 (2020): 89-134.

²¹ Keunggulan persuratan Melayu menghasilkan puluhan kitab dan karya agung yang ditulis oleh cendekiawan Melayu seperti karya Hamzah Fansuri; Wan Mohd. Shaghir, *Tafsir Puisi Hamzah Fansuri* (Khazanah Fathaniyah, 1996), 7; Wan Mohd. Shaghir, *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu* (Persatuan Pengkaji Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah, 1999), 45-46; Syahrizal Abbas, *Corak Pemikiran Hukum Islam Syeikh Abdurrauf As-Singkili: Studi terhadap Kitab Mir'ah al-Tullab hakim perempuan* (Yayasan Pena, 2008), 28.

²² Muhammad Yasin bin Muhammad bin 'Isa al-Fadani, *al-Fawa'id al-Janniyah Khashiah al-Mawahib al-Saniyyah ala al-Fawa'id al-Bahiyah* (Matba'ah al-Bahiyah, t.t).

²³ Karya penulisan ilmu falak antara karya penulisan yang banyak ditulis pada abad ke-20 antaranya karya Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Surat Persendirian, *Pati Kiraan Pada Menentukan Waktu Yang Lima dan Hala Kiblat dengan Logaritma*, No Ruj: 2006/0036841 (1938), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur; Hassan bin Yahya al-Jambi, *Nayl al-Matlub fi 'Amal al-Juyub* (Jedah: Matba'ah Sharqiyyah, 1925); Syeikh Muhammad Suhaimi, *Kitab ad-Dilalah fi Tahrir Adillah al-Qiblah wa al-Ahillah* (Haji Muhammad Amin, 1901); Muhammad Salih bin Harun Kemboja, *Pedoman Budaya* (Matba'ah al-Asasiyyah, t.t)

²⁴ Ismail bin Mamok al-Fatani, *I'nanah al-Mutafakkirin fi Ma'rifah al-Warithin* (Saudara Press, 1976).

²⁵ Syeikh Junid Thala al-Mandili, *Kitab Kaifiyat Mengadakan Waqaf Muslim* (al-Matba'ah al-Marbawiyah, t.t).

²⁶ Nik Muhammad Salih bin Wan Musa al-Kalantani, *Masalah Zakat Fitrah* (Matba'ah al-Kamaliyyah, 1947).


²⁷ Muhammad Sulum bin Abdul Qadir, *Fatwa yang Mu'tamadah* (Patani Press, t.t)

²⁸ *Sembahyang Jumaat* MSS 111, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; *Khutbah Jumaat* MSS 659, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; Shaykh Husayn bin Sulayman al-Jawi, *Risalah Bab al-Jum'ah* (Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah, Mekah, 1899).

²⁹ *Kitab Faraid* MS 325, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

³⁰ Contoh penulisan *khilafiyah* karya Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, *Ta'yid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Ala al-Qa'il bi Sunniyyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah*, No Ruj: 2006/0036134 (1953), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur; Hasanuddin bin Syeikh Muhammad Ma'sum bin Abi Bakar ad-Dali, *al-Maqalah al-Nafi'ah fima Yata'llaqu bi Qabliyyah al-Jum'ah* (Syarikat Tapanuli, 1924); Isma'il bin Ahmad bin Muhammad Saleh al-Tatani al-Lankuri, *Minhaj al-Salimin fi Tariqah al-Mutaqaddimin* (Matba'ah al-Anwar, 1962).

Rajah 1: Penghasilan penulisan karya fiqh Melayu abad ke-17 hingga abad ke-19



Tipologi kronologi karya fiqh Melayu klasik dari abad ke-17 hingga ke-19 merupakan fenomena intelektual yang sangat kompleks dan multidimensional. Ia menggabungkan aspek-aspek kronologi, epistemologi, sosiologi, metodologi, dan transformasi sosial dalam satu kerangka yang saling berkait. Kajian mendalam terhadap fenomena ini memberikan perspektif yang berharga tentang dinamika pembangunan tradisi keilmuan Islam, khususnya dalam konteks masyarakat yang bukan Arab.

Dari perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa kejayaan tradisi fiqh Melayu klasik tidak berlaku secara kebetulan, tetapi merupakan hasil daripada saling bergantung beberapa faktor penting: kepimpinan intelektual yang berkualiti, sokongan institusi yang komprehensif, iklim sosio-politik yang kondusif, jaringan keilmuan yang aktif, dan komitmen masyarakat terhadap pengembangan ilmu. Untuk melihat lebih jauh ke masa depan, warisan ini menawarkan beberapa prospek yang menarik. *Pertama*, ia boleh menjadi model untuk pengembangan tradisi keilmuan Islam kontemporari yang relevan dan berimpak. *Kedua*, ia boleh menyumbang kepada discourse global tentang relationship antara tradisi dan moderniti dalam konteks Islam. *Ketiga*, ia boleh menginspirasi usaha-usaha untuk membangunkan jaringan keilmuan Islam yang lebih efektif di peringkat global.

Namun, realisasi prospek-prospek ini memerlukan usaha yang serius dan berterusan. Ia memerlukan komitmen daripada institusi pendidikan, sokongan daripada kerajaan dan masyarakat sivil, serta kolaborasi antara ulama, akademik, dan pemimpin masyarakat. Yang paling penting, ia memerlukan kesedaran bahawa pembangunan tradisi keilmuan adalah investasi jangka panjang yang memerlukan kesabaran, ketekunan, dan visi yang jelas.

Dalam menghadapi cabaran-cabaran abad ke-21, umat Islam perlu kembali kepada warisan intelektual seperti tradisi fiqh Melayu klasik bukan untuk mengulangi masa lalu, tetapi untuk belajar daripada kejayaan dan kegagalan masa lalu dalam membina masa depan yang lebih baik. Warisan ini mengingatkan kita bahawa umat Islam mempunyai kapasiti untuk membangunkan tradisi keilmuan yang autentik, inovatif, dan transformatif, asalkan terdapat komitmen dan usaha yang sewajarnya. Tipologi kronologi karya fiqh Melayu klasik ini menunjukkan bahawa sejarah intelektual Islam bukan hanya milik masa lalu, tetapi sumber yang hidup dan dinamik yang dapat terus menginspirasi dan membimbing usaha-usaha kontemporari. Ia membuktikan bahawa tradisi dan inovasi, autoriti dan kreativiti, universal dan lokal, bukanlah dikotomi yang bertentangan, tetapi elemen-elemen yang dapat diintegrasikan dalam satu vision yang koheren untuk pembangunan ilmu dan tamadun yang berterusan.

Tipologi Metodologi Penulisan

Perbincangan metode penulisan karya fiqh Melayu perbincangan signifikan dalam menganalisis tipologi penulisan karya fiqh Melayu. Realitinya, kepentingan metode penulisan menyerlahkan pemikiran ilmiah pengarang sekaligus membuktikan ketokohan fuqaha Melayu silam. Identifikasi keberhasilan pengamatan fuqaha Melayu terhadap penulisan fiqh.³¹ Kematangan penulisan, merangkumi kearifan dan keunggulan metodologi fuqaha Melayu menepati kriteria karya ilmiah seperti mana difahami dalam konteks moden. Selain itu, kaedah³² dan metode penulisan yang menarik boleh menjadi faktor dijadikan bahan kajian dan rujukan di Alam Melayu.

³¹ Muhammad Adib Shamsudin et al., "Metode Penulisan Kitab Matla' al-Badrayn wa Majma' al-Bahrayn," *Jurnal Melayu* 5 (2010): 148.

³² Perkataan 'kaedah' didefinisikan sebagai cara atau peraturan membuat sesuatu dengan bersistem atau kaedah biasa; *Kamus Dewan*, ed. 4, 653 entri kaedah.

Dalam aspek penulisan karya fiqh Melayu klasik, terdapat pelbagai karya sama ada dalam bahasa Melayu atau Arab mempunyai pelbagai metodologi penulisan. Ini dapat dilihat, penulisan metode asal pengarang, terjemahan kitab bahasa Arab, bidang soal jawab agama, karya ringkasan atau ulasan terhadap karya lain.³³ Metodologi³⁴ penulisan karya fiqh Melayu merupakan perkara yang perlu dibentangkan dalam kajian ilmiah. Ia membentuk gagasan pemikiran dalam penulisan klasik yang sukar diterjemahkan melalui pembacaan. Kerangka metodologi fuqaha Melayu perlu diteliti dari luar latar dan konteks agar satu penilaian dapat ditafsirkan dalam acuan induksi sejarah Melayu. Apa yang perlu diteliti, hubungan dan jaringan intelektual Alam Melayu dan Haramayn menjadi pemangkin kepada pengaruh,³⁵ corak pemikiran dan pola penulisan fuqaha Melayu.

Meskipun jaringan intelektual dianggap sesuatu yang kompleks namun hubungan Islam Alam Melayu dengan Timur Tengah telah terjalin dengan erat sekitar awal abad ke-15 hingga pertengahan abad ke-17. Bahkan, menurut Rosni Wazir ia mula terjalin seawal abad ke-14 apabila pelajar-pelajar dari Alam Melayu mengorak langkah menyambung pengajian di Mekah sekaligus mengerjakan ibadat haji.³⁶ Senario ini berlarutan hingga akhir abad ke-19 malah hingga ke hari ini.³⁷ Dua lokasi utama di Timur Tengah yang menjadi tumpuan menimba ilmu ialah *Haramayn* (Makkah dan Madinah) dan Kaherah, Mesir. Kedudukan tipografi Haramayn sangat strategik sebagai pusat ilmu pengetahuan sejak abad ke-17 hingga akhir abad ke-19.³⁸ Pada peringkat awal, hubungan yang terjalin dalam bentuk hubungan ekonomi namun berkembang kepada hubungan politik-keagamaan hingga hubungan intelektual keagamaan.³⁹ Ini dapat dilihat, semenjak ulama Melayu menuntut di Mekah⁴⁰ ulama Haramayn menjadi guru kepada ulama dan fuqaha Alam Melayu. Mereka mengambil ilmu dalam pelbagai disiplin ilmu fiqh, tauhid, tasawuf, hadis dan tafsir.⁴¹

Menurut Rahimin Affandi, hubungan antara pelajar Alam Melayu dengan guru Haramayn sangat rapat. Mekanisme terpenting menyebabkan hubungan ini menjadi rapat kerana terjalin autoriti *isnad* hadis dan silsilah tarekat. Para murid Alam Melayu menjadi medium utama proses transmisi besar Islam dari Haramayn ke wilayah Alam Melayu.⁴² Akhirnya, mereka menterjemahkan tradisi besar menjadi tradisi lokaliti tempatan yang beragam.⁴³ Hubungan ini menyebabkan berlaku transmisi pengaruh pemikiran dalam penulisan karya fiqh Melayu. Oleh itu, metodologi ulama Haramayn mempengaruhi corak pemikiran dan idealisme tokoh fuqaha Alam Melayu klasik. Mereka mengidentifikasikan metode dalam konstruk pengajian dan penulisan fiqh Alam Melayu. Pengaruh intelektual dari Haramayn (Mekah dan Madinah) dan proses lokalisasi dalam penulisan karya fiqh Melayu klasik menunjukkan adanya dialektika kompleks antara tradisi universal Islam dan kearifan tempatan. Kesannya, usaha kegiatan fuqaha Melayu menuntut ilmu dan berguru di Haramayn menjadi legasi perkembangan doktrin, gagasan, dan idealisme pemikiran intelektual-keagamaan yang bersumberkan dari Haramayn ke dunia Melayu. Hasilnya, konstruk metodologi ulama Haramayn disebarluaskan dalam pengajian dan penulisan intelektual di Alam Melayu.

³³ Najahudin Lateh et al., "Tematik Emas dalam Karya Fiqh Ulama Alam Melayu: Tinjauan Terhadap Kitab al-Sirat al-Mustaqim, Furuk al-Masail dan Bahr al-Madhi" (makalah, Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan, 2013), 65.

³⁴ Metode bermaksud kaedah yang digunakan untuk mencapai sesuatu tujuan. Ia juga ditafsirkan sebagai satu sistem, aturan, cara atau kaedah utk melakukan sesuatu merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya; *Kamus Dewan*. ed. ke-4, entri metodologi.

³⁵ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Universiti Kebangsaan Malaysia Press, 1972), 25.

³⁶ Rosni Wazir, "Sorotan Perkembangan Tasawuf di Alam Melayu, Tokoh-Tokoh dan Karyanya," *Jurnal Pengajian Islam* 9, no. 2 (2016): 181.

³⁷ Komaruddin Hidayat, "Pengantar" dalam *Belajar Islam di Timur Tengah* ed. Ismatu Ropi dan Kusmana (Departemen Agama RI, t.t.), x.

³⁸ Ismatu Ropi dan Kusmana, "Alumni Timur Tengah dan Diseminasi Otoritas Keislaman di Indonesia," dalam *Belajar Islam di Timur Tengah* ed. Ismatu Ropi dan Kusmana (Departemen Agama RI, t.t.), 5.

³⁹ Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII* (Penerbit al-Mizan), 23.


⁴⁰ Ismail Hamid, *Peradaban Melayu*, 47-48.

⁴¹ Konstruk pengajaran di Haramayn menjana kesan dan pengaruh pola pemikiran fuqaha Melayu melalui penggunaan kitab-kitab agama Haramayn sebagai rujukan utama institusi agama. Dalam penulisan karya fiqh Melayu, kaedah fiqh Alam Melayu ditentukan oleh pusat pengajian fiqh di Haramayn. Peranan Haramayn sebagai pusat sumber dan rujukan ilmu bagi Alam Melayu semenjak abad ke-17 hingga abad ke-20; M. F. Laffan, *Islamic Nationhood and Colonial Indonesia: The Umma Below the Wind* (RoutledgeCurzon, 2003), 1-70; Martin Bruinassen, *Kitab Kuning dan Pasatren Tradisi-tradisi Islam di Indonesia* (Mizan); C. Snouck Hurgronje, *Mekka in the Latter Part or the year 19th Century* (E. J. Brill, 1995).

⁴² Azyumardi Azra, "The Significance of Southeast Asia (The Jawah World) For Global Islamic Studies: Historical And Comparative Perspectives," *Kyoto Bulletin Of Islamic Area Studies* 8 (2015): 69-87.

⁴³ Maksud terjemahan tradisi besar Islam tidak hanya terbatas menterjemahkan kitab bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu tempatan. Malah, apa yang lebih penting menterjemahkan idea dan gagasan keilmuan Islam dalam konteks tempatan hingga muncul pola pemikiran Islam dalam bidang fiqh, tafsir, tasawuf, hadis bersifat tempatan. Ia merupakan indikasi perkembangan penulisan intelektual Alam Melayu.

Rajah 2: Metodologi Haramayn



Pada pemerhatian kami, setiap perkara yang mempunyai hubung kait dengan ilmu pasti bersifat kontekstual. Begitu juga perkara yang berkembang di Timur Tengah tidak semestinya sesuai dengan ciri tempatan dan realiti Alam Melayu. Meskipun fuqaha Melayu menerima ilmu dari Timur Tengah namun ilmu diolah agar sesuai dengan realiti Alam Melayu. Selain itu, sikap keterbukaan fuqaha Melayu dengan idea-idea luar (Timur Tengah) menyumbang ke arah kegiatan penulisan karya fiqh Melayu. Namun tidak dinafikan kerangka pemikiran Melayu dalam penulisan fiqh turut disusun dalam satu siratan kesedaran pemikiran lain yang tidak kurang dominan dengan idealisme keIslaman. Misalnya, elemen penerapan pandangan mazhab dan kesan pendidikan di Haramayn perlu difahami dan dijadikan panduan dalam usaha merangka penulisan fiqh pada perkembangan awal Islam. Oleh itu, pengkaji berpendapat metodologi penulisan karya fiqh Melayu lebih bersifat reproduksi idea dan disesuaikan dengan nilai dan ciri tempatan. Namun begitu, peranan fuqaha Melayu silam tidak boleh dilupakan kerana mereka berusaha meneroka dan menjelaskan ilmu fiqh mengikut kemampuan kognitif masyarakat Melayu. Keterbatasan penulisan fiqh dihasilkan pada abad klasik tidak dapat menghalang dari hakikat generasi terkemudian amat terhutang budi kepada usaha dan ikhtiar mereka.

Hasil pengesanan, terdapat perbezaan metode penulisan karya fiqh Melayu abad ke-17, 18 dan ke-19. Metode penulisan abad ke-17 lebih memfokuskan penulisan ibadat. Kandungan perbincangan penulisan tidak mendalam kerana objektif penulisan mendeskripsikan pengamalan ajaran Islam kepada masyarakat Melayu. Sedangkan, penulisan abad ke-18 mencerminkan penulisan yang lebih mendalam terhadap persoalan ibadat dengan subjek perbincangan baharu yang lebih kreatif. Terdapat pengemaskinian baharu dalam penulisan karya abad ke-18 dalam kupasan subjek fiqh. Manakala, penulisan abad ke-19 lebih tersusun dengan format dan struktur baharu penulisan dalam bentuk cetakan. Hasil penelitian, aplikasi metode penulisan fuqaha Melayu memudahkan pembaca memahami inti pati kandungannya. Secara dasarnya, penulisan dimulai dengan penjelasan hukum, menghadkan atau tiada penulisan khusus ilmu usul, fatwa dan ijihad. Kandungan penulisan ilmu bersifat perbincangan ringkas serta kenyataan yang perlu difahami dan ditanggapi pada setiap perkataan dan ayat.

Kerangka metode penulisan karya fiqh Melayu abad ke-17 hingga abad ke-19 bersumberkan al-Quran dan hadis.⁴⁴ Kecenderungan metode menggunakan teks dan pendalilan dalam penulisan fiqh. Antara dalil yang menjadi keutamaan adalah al-Quran dan hadis yang menjadi pegangan yang dominan. Ini

⁴⁴ Dalam hal ini, terdapat banyak bukti al-Quran dan hadis menjadi sandaran utama pengambilan hukum penulisan karya fiqh Melayu klasik. Dalam karya *Sabil al-Muhtadin* dalam bab bersuci Syeikh Muhammad Arshad al-Banjari menghuraikan persoalan hukum menggunakan metode *istinbat* berdasarkan dalil al-Quran dan hadis; *Sabil al-Muhtadin li Tafaqquh fi Amr al-Din* MS 555, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; Dalam penulisan karya *Fath al-Manan* banyak hadis-hadis dijadikan hujah dalam perbincangan hukum; *Fath al-Manan* MSS 121, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur; Demikian juga, dalam karya *Mir'ah al-Tullab* yang menjadikan hadis-hadis nabi dalam kupasan perbincangan *fiqh al-Qadi*; *Mir'ah al-Tullab fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Shari'ah li Muluk al-Wahhab* MSS 1532, Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

kerana, ayat-ayat al-Quran dan hadis mengandungi syariat dan penjelasan hukum. Penggunaannya selaras dengan kaca mata syariat yang bersifat praktikal dan universal. Meskipun skop pendalilan bersifat fundamental namun kandungan penulisannya komited menggunakan dalil yang bertepatan dengan al-Quran dan hadis. Fakta ini dilihat, penulisan yang konsisten menggunakan metode *istinbat* mengutamakan nas dalam mana-mana situasi dan bersifat kritikal dalam pemikiran. Ini jelas menunjukkan ciri-ciri penulisan intelektual yang dibentangkan dengan pelbagai metode pengkategorian sama ada pendalilan, *istinbat* dan rujukan. Paparan pembentangan metodologi penulisan penting kepada penyelidik kajian hukum kerana dapat menilai tahap tapisan perbincangan hukum fiqh yang ditonjolkan oleh fuqaha.

Perbincangan mengenai metodologi penulisan karya fiqh Melayu klasik memperlihatkan suatu fenomena intelektual yang kompleks dan multidimensional, yang mencerminkan kematangan pemikiran ilmiah fuqaha Melayu dalam mengadaptasi warisan keilmuan Islam universal kepada konteks tempatan. Rumusan kajian ini menunjukkan bahawa metodologi penulisan karya fiqh Melayu bukan sekadar proses transmisi pasif ilmu dari pusat-pusat keilmuan Islam tradisional, tetapi merupakan manifestasi kreatif daripada dialektika antara tradisi global dan realiti lokal. Fenomena ini menggabungkan dimensi tipologi kronologi yang telah dibincangkan sebelumnya dengan aspek metodologi yang lebih khusus, memperlihatkan bagaimana evolusi tiga fasa perkembangan - perintis, kematangan, dan produktiviti - turut membentuk pendekatan metodologi yang berbeza mengikut zamannya.

Analisis mendapati bahawa karya fiqh Melayu klasik menunjukkan kepelbagaian metodologi penulisan yang signifikan, yang dapat dikategorikan kepada empat tipologi utama yang mencerminkan kematangan intelektual fuqaha Melayu. Penulisan metode asal pengarang merupakan karya yang dihasilkan berdasarkan ijtihad dan pemikiran original fuqaha Melayu, mencerminkan keupayaan intelektual tempatan dalam mengembangkan discourse fiqh dan menunjukkan kematangan epistemologi dalam memahami serta mengaplikasikan prinsip-prinsip fiqh. Terjemahan kitab bahasa Arab pula melibatkan proses adaptasi dan translasi karya-karya fiqh klasik Arab yang bukan hanya melibatkan translasi linguistik tetapi juga cultural translation, memperlihatkan kemahiran hermeneutik dalam menginterpretasi teks-teks klasik. Bidang soal jawab agama mencerminkan metodologi responsif terhadap permasalahan praktikal masyarakat dengan pendekatan pragmatik dalam aplikasi hukum Islam yang menunjukkan sensitiviti terhadap keperluan dan konteks tempatan. Manakala karya ringkasan atau ulasan merupakan sintesis dan analisis kritikal terhadap karya-karya terdahulu yang memperlihatkan kemampuan dalam discourse akademik dan kritik ilmiah, mencerminkan tradisi keilmuan yang kumulatif dan reflektif.

Evolusi metodologi mengikut periodisasi menunjukkan perkembangan yang sistematik dan progresif sejalan dengan tipologi kronologi yang telah dianalisis sebelumnya. Abad ke-17 yang dikenali sebagai era perintis juga merupakan era deskriptif dan praktikal dalam metodologi penulisan, dengan fokus utama kepada penulisan ibadat dengan pendekatan deskriptif yang bertujuan mendeskripsikan pengamalan ajaran Islam kepada masyarakat Melayu. Kandungan perbincangan pada era ini bersifat asas dan tidak mendalam, dengan metodologi yang lebih bersifat ekspository daripada analitis, selaras dengan objektif untuk memperkenalkan dan menyebarkan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat Melayu yang baru menerima Islam secara meluas. Abad ke-18 pula merupakan era kematangan dalam tipologi kronologi dan sekaligus era analitis dan kreatif dalam metodologi, yang menyaksikan perkembangan penulisan yang lebih mendalam terhadap persoalan ibadat dengan kemunculan subjek perbincangan baharu yang lebih kreatif. Pengemaskinian dalam kupasan subjek fiqh menjadi lebih sophisticated dengan metodologi yang lebih analitis dan kritikal, mencerminkan kematangan fuqaha Melayu dalam menguasai dan mengembangkan ilmu fiqh.

Abad ke-19 yang mewakili era produktiviti dalam tipologi kronologi sekaligus menandakan era sistematik dan struktural dalam metodologi penulisan, dengan penulisan yang lebih tersusun mengikut format dan struktur baharu yang dipengaruhi oleh perkembangan teknologi percetakan. Sistematisasi yang lebih formal dalam organisasi kandungan menjadikan metodologi lebih standardized dan accessible kepada khalayak yang lebih luas, mencerminkan kematangan tradisi keilmuan yang telah mencapai tahap optimum dalam keseimbangan antara kuantiti dan kualiti. Perkembangan ini menunjukkan bagaimana faktor teknologi dan sosio-ekonomi turut mempengaruhi evolusi metodologi

Tradisi Intelektual dalam Tamadun Islam Alam Melayu: Analisis Kitab Melayu Klasik Abad ke-17 hingga ke-19 penulisan, di mana kemunculan teknologi percetakan membolehkan standardisasi format dan struktur yang seragam.

Jaringan intelektual antara Alam Melayu dan Haramayn memainkan peranan kritikal dalam membentuk metodologi penulisan karya fiqh Melayu klasik, dengan hubungan yang telah terjalin secara intensif dari awal abad ke-15 hingga pertengahan abad ke-17 dan berterusan hingga akhir abad ke-19. Hubungan ini berkembang daripada bentuk hubungan ekonomi kepada hubungan politik-keagamaan dan akhirnya menjadi hubungan intelektual keagamaan yang komprehensif. Mekanisme transmisi pengetahuan berlaku melalui autoriti isnad hadis dan silsilah tarekat yang mewujudkan hubungan yang rapat antara pelajar Alam Melayu dengan guru Haramayn, di mana para murid Alam Melayu menjadi medium utama proses transmisi besar Islam dari Haramayn ke wilayah Alam Melayu. Proses ini akhirnya menterjemahkan tradisi besar menjadi tradisi lokaliti tempatan yang beragam, menyebabkan berlakunya transmisi pengaruh pemikiran dalam penulisan karya fiqh Melayu di mana metodologi ulama Haramayn mempengaruhi corak pemikiran dan idealisme tokoh fuqaha Alam Melayu klasik.

Namun, kajian menunjukkan bahawa fuqaha Melayu tidak sekadar menerima dan mereproduksi metodologi Haramayn secara literal, sebaliknya mereka menunjukkan kebijaksanaan dalam proses lokalisasi dan kontekstualisasi yang kreatif. Walaupun menerima ilmu dari Timur Tengah, ilmu tersebut diolah agar sesuai dengan realiti Alam Melayu, mencerminkan sikap keterbukaan fuqaha Melayu terhadap idea-idea luar sambil mempertahankan sensitiviti terhadap ciri tempatan. Kerangka pemikiran Melayu dalam penulisan fiqh disusun dalam satu siratan kesedaran pemikiran yang menggabungkan idealisme ke-Islaman dengan realiti tempatan, di mana elemen penerapan pandangan mazhab dan kesan pendidikan di Haramayn difahami dan dijadikan panduan dalam merangka penulisan fiqh. Oleh itu, metodologi penulisan karya fiqh Melayu lebih bersifat reproduksi idea yang disesuaikan dengan nilai dan ciri tempatan, di mana fuqaha Melayu berusaha meneroka dan menjelaskan ilmu fiqh mengikut kemampuan kognitif masyarakat Melayu.

Jadual 1: Tipologi Tokoh dan Karya Fiqh Melayu Klasik (Abad ke-17 hingga ke-19)

Tokoh Utama	Karya Masyhur Terpilih (Tahun)	Tipologi Kronologi & Lokasi	Tipologi Metodologi & Kandungan Utama
Syeikh Nuruddin al-Raniri	<i>Sīrāt al-Mustaqīm</i> (1644M)	Abad ke-17 (Aceh)	Karya rintis dan terjemahan fiqh ibadat pertama dalam Bahasa Melayu-Jawi. Fokus kepada ibadat asas sahaja.
Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri	<i>Mir'ah al-Ṭullāb</i> (1672M)	Abad ke-17 (Aceh)	Karya pelengkap kepada <i>Sīrāt al-Mustaqīm</i> . Mengupas fiqh muamalat terawal dan menggunakan pendekatan Soal Jawab
Syeikh Abdul Malik bin Abdullah (Tok Ku Pulau Manis)	<i>al-Kifāyah</i> (1726M)	Abad ke-18 (Tanah Melayu/Terengganu)	Karya fiqh Melayu klasik terawal ditulis di Terengganu Menggabungkan ilmu Tauhid dan Fiqh (ibadat)
Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari	<i>Sabīl al-Muhtadīn</i> (1780M)	Abad ke-18 (Kalimantan/Banjar)	Karya penyempurnaan dalam fikah ibadat. Merupakan antara karya fiqh yang berpengaruh dan tersebar luas di Asia Tenggara.
Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani	<i>Furū' al-Masā'il wa Uṣūl al-Wasā'il</i> (1838M)	Abad ke-19 (Pattani)	Karya paling produktif abad ke-19. Rintis dalam penulisan Soal Jawab Furuk Fiqh yang menjadi ilham kepada karya ulama Pattani selepasnya
Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani (Syeikh Nik Mat Kecik)	<i>Maṭla' al-Badrain wa Majma' al-Baḥrain</i> (1885M)	Abad ke-19 (Pattani)	Karya yang paling banyak diulang cetak. Menggabungkan perbincangan Tauhid, Fiqh, Muamalat, Munakahat dan Jinayat secara sistematik

Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani	<i>al-Fatāwā al-Fataniyyah</i> (Akhir Abad ke-19)	Abad ke-19 (Pattani)	Himpunan jawapan kepada 108 soalan dalam pelbagai bidang fiqh. Mencetuskan corak penulisan fatwa dalam bentuk soal jawab di Alam Melayu
--	---	----------------------	---

Perbandingan Metodologi dan Kandungan Fiqh: Abad ke-17 vs. Abad ke-19

Evolusi penulisan karya fiqh Melayu klasik sepanjang tempoh tiga abad menunjukkan perubahan ketara daripada aspek kandungan, metodologi, dan tujuan penulisan.

Jadual 2: Perbandingan Metodologi dan Kandungan Fiqh antara Abad ke-17 dan Abad ke-19

Aspek Perbandingan	Abad ke-17 (Era rintis)	Abad ke-19 (Era Produktiviti penulisan)
Karya Utama	Ibadat asas (Taharah, Solat, Puasa). Kandungan ringkas dan umum, bertujuan untuk keperluan mendesak pengislaman masyarakat.	Kepelbagaian subjek dan pendalaman (Muamalat, Faraid, Nikah, Fiqh Kehakiman). Penulisan lebih lengkap, mendalam, dan bersifat praktikal.
Metodologi	Terjemahan dan Saduran secara kreatif dari kitab Arab klasik. Teks disesuaikan untuk konteks Melayu.	Sistematik dan Struktural. Muncul pendekatan Soal Jawab (responsif kepada masalah masyarakat) dan penulisan original (berasaskan ijtihad tempatan).
Format/Fizikal	Manuskrip (tulisan tangan), tidak konsisten, kurang produktif.	Manuskrip dan Cetakan (lebih sistematik). Paling produktif (sekitar 15 karya masyhur terpilih).
Tujuan Intelektual	Penyebaran awal ajaran Islam dan pengukuhan Mazhab Syafie.	Penyelesaian masalah harian (<i>furū'</i>) dan penyempurnaan ilmu fiqh melalui karya yang lebih tersusun.

Perbandingan Metodologi dan Kandungan Fiqh: Wilayah Aceh dan Wilayah Tanah Melayu/Pattani

Perbezaan wilayah memberi kesan kepada ciri-ciri tipologi penulisan, mencerminkan keperluan sosial dan kematangan intelektual di lokasi pusat ilmu tersebut.

Jadual 3: Perbandingan Metodologi dan Kandungan Fiqh antara Wilayah Aceh (Abad ke-17) dan Tanah Melayu/Pattani (Abad ke-18 dan 19)

Aspek Perbandingan	Wilayah Aceh (Abad ke-17)	Wilayah Tanah Melayu/Pattani (Abad ke-18 & 19)
Perintis Utama	Syeikh Nuruddin al-Raniri	Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (Banjar), Syeikh Daud al-Fatani (Pattani)
	Asas Keilmuan. Memulakan tradisi penulisan fiqh Melayu	Kematangan Intelektual. Lokasi dan pusat menghasilkan karya bersifat penyempurnaan

Tumpuan Karya	dengan karya bersifat saduran yang mudah diakses.	(<i>Sabīl al-Muhtadīn</i> al-Banjari) dan respon praktikal kepada masyarakat (<i>Furū' al-Masā'il</i> - al-Fatani).
Ciri Metodologi	Pengasas. Kaedah penulisan fiqh yang konvensional (bab demi bab) yang dipengaruhi kuat oleh teks induk Arab.	Inovatif dan Pragmatik. Penggunaan kaedah soal jawab yang sangat praktikal dan sesuai dengan kematangan masyarakat yang berhadapan dengan isu yang lebih rencam.
Kesan/Sejarah	Pusat Mula tradisi fiqh Melayu. Karya utama (<i>Sīrāt al-Mustaqīm</i>) menjadi rujukan terpenting bagi karya-karya abad-abad berikutnya.	Pusat Produktiviti dan Dinamika. Menghasilkan karya yang menjadi rujukan standard dan disebarakan secara meluas melalui percetakan hingga ke luar rantau, membuktikan peranan Pattani dan Banjar sebagai pusat intelektual yang signifikan.]
Peranan Sejarah	Pusat Rintis penulisan karya fiqh Melayu dan intelektual keagamaan terawal.	Pusat Kematangan dan Produktiviti. Menghasilkan karya yang lebih dinamik dan konsisten
Contoh Karya	<i>Sīrāt al-Mustaqīm</i> (1644M) dan <i>Mir'ah al-Ṭullāb</i> (1672M).	<i>Sabīl al-Muhtadīn</i> (Banjar/Aceh, 1780M) dan <i>Furū' al-Masā'il</i> (Pattani, 1838M).
Metodologi (Kandungan)	Peringkat awal fokus kepada hal-hal berkaitan ibadat dan bersifat deskriptif.	Dikembangkan kepada skop subjek dan perbincangan baharu seperti Muamalat, Faraid. Pendekatan penulisan juga memperkenalkan format baharu dalam soal jawab.
Dinamisme Penulisan	Menunjukkan jurang masa yang panjang antara karya pertama dan kedua (28 tahun antara <i>Sīrāt</i> dan <i>Mir'ah</i>)	Menunjukkan peningkatan yang sangat produktif dan konsisten pada abad ke-19 (cth: Syeikh Daud al-Fatani).

Secara ringkasnya, analisis ini menunjukkan Aceh (Abad ke-17) memainkan peranan perintis yang meletakkan asas kepada keilmuan fiqh Melayu. Manakala, Tanah Melayu dan Pattani (Abad ke-18 dan ke-19) berperanan sebagai pemangkin yang membawa kepada kematangan dan inovasi dalam metodologi penulisan.

Kerangka metodologi penulisan karya fiqh Melayu abad ke-17 hingga abad ke-19 bersumberkan al-Quran dan hadis dengan kecenderungan menggunakan teks dan pendalilan dalam penulisan fiqh. Al-Quran dan hadis menjadi dalil yang mendapat keutamaan dan menjadi pegangan yang dominan kerana mengandungi syariat dan penjelasan hukum yang bersifat praktikal dan universal. Penggunaannya selaras dengan perspektif syariat yang fundamental, namun kandungan penulisan komited menggunakan dalil yang bertepatan dengan al-Quran dan hadis. Penulisan yang konsisten menggunakan metode istinbat mengutamakan nas dalam sebarang situasi dan bersifat kritikal dalam pemikiran, menunjukkan ciri-ciri penulisan intelektual yang dibentangkan dengan pelbagai metode pengkategorian sama ada pendalilan, istinbat dan rujukan. Paparan pembentangan metodologi penulisan ini penting

kepada penyelidik kajian hukum kerana dapat menilai tahap tapisan perbincangan hukum fiqh yang ditonjolkan oleh fuqaha, memperlihatkan kematangan epistemologi dalam penggunaan sumber-sumber otoritatif Islam.

Aplikasi metodologi penulisan fuqaha Melayu direka bentuk untuk memudahkan pembaca memahami inti pati kandungan, dengan penulisan yang dimulai dengan penjelasan hukum tanpa penulisan khusus ilmu usul, fatwa dan ijtihad yang mendalam. Kandungan penulisan ilmu bersifat perbincangan ringkas serta kenyataan yang perlu difahami dan ditanggapi pada setiap perkataan dan ayat, mencerminkan pendekatan pedagogi yang mengutamakan kejelasan dan kemudahan pemahaman. Pendekatan ini menunjukkan kesedaran fuqaha Melayu tentang keperluan masyarakat untuk panduan praktikal yang mudah difahami dan diaplikasi dalam kehidupan seharian, sekaligus mencerminkan kematangan dalam memahami psikologi pembelajaran masyarakat tempatan. Metodologi ini selaras dengan objektif utama penulisan fiqh Melayu klasik iaitu untuk menyebarkan dan mempraktikkan ajaran Islam dalam konteks masyarakat Melayu yang mempunyai latar belakang budaya dan pendidikan yang berbeza daripada masyarakat Arab.

Rumusan kajian ini menunjukkan bahawa metodologi penulisan karya fiqh Melayu klasik merupakan suatu achievement intelektual yang sophisticated dan berdaya saing, mencerminkan kematangan epistemologi fuqaha Melayu dalam mengembangkan pendekatan yang mampu mengintegrasikan tradisi global Islam dengan realiti tempatan Alam Melayu. Kepelbagaian metodologi yang dibangunkan - dari penulisan asal hingga terjemahan, dari soal jawab hingga ringkasan - menunjukkan fleksibiliti dan kreativiti dalam merespons keperluan masyarakat yang berbeza-beza. Evolusi metodologi mengikut periodisasi menggambarkan proses pembelajaran dan pematangan yang berterusan, di mana setiap era membina atas pencapaian era sebelumnya untuk mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi. Jaringan intelektual dengan Haramayn membekalkan legitimasi dan autoriti keilmuan, manakala proses lokalisasi dan kontekstualisasi memastikan relevansi dan kesesuaian dengan konteks tempatan. Akhirnya, komitmen terhadap sumber-sumber otoritatif Islam dan penekanan kepada kemudahan pemahaman mencerminkan keseimbangan yang bijaksana antara integriti doktrinal dan responsiviti sosial, menjadikan metodologi penulisan fiqh Melayu klasik sebagai model yang berharga untuk pengembangan tradisi keilmuan Islam yang contextual, accessible dan impactful.

Berdasarkan keseluruhan analisis tipologi penulisan karya fiqh Melayu klasik (abad ke-17 hingga ke-19) terdapat kategori-kategori utama yang menonjol dan perbandingan terperinci antara kategori tersebut seperti berikut:

Tipologi Kronologi (Berdasarkan Abad)

Kategori ini membandingkan perkembangan penulisan berdasarkan **masa** dan **lokasi**.

Kategori Abad	Ciri-ciri Utama	Pendekatan Penulisan	Karya
Abad ke-17 (Era Perintis)	Ringkas, tidak konsisten, dan tidak produktif. Fokus kepada ibadat asas.	Lebih kepada deskriptif dan praktikal untuk menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat yang baru menerima Islam.	<i>Sīrāt al-Mustaqīm</i> (1644M)
Abad ke-18 (Era Kematangan penulisan)	Proses penyempurnaan penulisan. Kemunculan subjek baharu seperti fikah kehakiman (<i>al-qāḍī</i>), muamalat, dan faraid (<i>mīrāth</i>).	Analitis dan kreatif. Menulis dengan lebih mendalam berbanding abad ke-17.	<i>Sabīl al-Muhtadīn</i> (1780M)

<p>Abad ke-19 (Era Dinamika Penulisan)</p>	<p>Paling produktif dengan 15 karya masyhur terpilih. Kecenderungan awal ijtihad dan penulisan fatwa. Munculnya tajuk dan subjek dalam Bahasa Melayu.</p>	<p>Sistematik dan struktural. Penggunaan format dan struktur baharu (cetakan).</p>	<p><i>Furū' al-Masā'il</i> (1838M)</p>
---	---	--	--

Tipologi Metodologi Penulisan

Kategori ini membandingkan pendekatan yang digunakan oleh Fuqaha Melayu dalam menghasilkan karya penulisan.

Kategori Metodologi	Ciri-ciri Utama	Karya penulisan
<p>Terjemahan dan Saduran</p>	<p>Proses adaptasi kreatif (bukan literal) karya fiqh Arab klasik ke dalam Bahasa Melayu-Jawi. Memastikan teks sesuai dengan realiti Alam Melayu.</p>	<p><i>Sīrāt al-Mustaqīm</i></p>
<p>Penulisan Metode Asal Pengarang</p>	<p>Karya original berdasarkan ijtihad dan pemikiran fuqaha tempatan. Pendekatan baharu dalam subjek penulisan fiqh seperti fiqh kehakiman <i>al-Qadi</i>.</p>	<p><i>Furū' al-Masā'il</i> (1838M)</p>
<p>Bidang Soal Jawab Agama</p>	<p>Pendekatan responsif dan pragmatik terhadap permasalahan praktikal masyarakat melayu (<i>furū'</i>). Memudahkan pengajaran dan pemahaman khalayak pembaca dalam menanggapi hukum</p>	<p><i>Hidāyah al-Muta'allim wa 'Umdah al-Mu'allim</i> (1828M)</p>
<p>Karya Gabungan/Ringkasan/Ulasan</p>	<p>Menggabungkan disiplin ilmu Tauhid, Fiqh dan Tasawuf dalam satu kitab. Kebiasaanya perbincangan ilmu fiqh mendominasi penulisan karya.</p>	<p><i>Hidāyah al-Muta'allim wa 'Umdah al-Mu'allim</i> (1828M)</p>

Tipologi Mengikut Pengaruh Mazhab

Kategori ini membandingkan sejauh mana Mazhab Syafie mempengaruhi penulisan.

Kategori pengaruh	Ciri-ciri utama	Karya
<p>Dominasi Mazhab Syafie</p>	<p>Semua 22 karya masyhur terpilih berpegang kepada Mazhab Syafie. Rujukan utama adalah kitab-kitab mazhab Syafie yang muktabar (seperti <i>Minhāj al-Ṭālibīn</i>, <i>Tuhfah al-Muhtāj</i>, <i>Fath al-Wahhāb</i>).</p>	<p>Hampir kesemua karya seperti <i>Sīrāt al-Mustaqīm</i>, <i>Mir'ah al-Ṭullāb</i>, <i>Sabīl al-Muhtadīn</i></p>

Pendekatan kepelbagai Mazhab	Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, muncul penulisan yang mengutip pelbagai pandangan mazhab (Hanafi, Maliki, Hanbali) dalam perbincangan hukum, menandakan kematangan intelektual.	<i>Wusyāh al-Afrāh</i> (1894M) - Mengutip pendapat pelbagai mazhab dalam solat Jumaat.
-------------------------------------	--	--

Hasil penelitian, pendekatan tipologi menunjukkan evolusi yang jelas dari aspek kronologi (dari ringkas kepada produktif), metodologi (dari terjemahan kepada soal jawab dan sintesis ilmu), dan doktrinal (dari taklid kepada perbincangan pelbagai mazhab) yang membuktikan dinamisme intelektual fuqaha Melayu di Alam Melayu.

Kesimpulan

Kajian tipologi penulisan karya fiqh Melayu klasik abad ke-17 hingga ke-19 telah membuktikan kekayaan dan kedalaman tradisi intelektual Islam di Alam Melayu yang selama ini mungkin belum mendapat pengiktirafan sepenuhnya. Melalui pendekatan pemetaan sistematik yang menggabungkan analisis kronologi dan metodologi penulisan, kajian ini berjaya mengenal pasti corak evolusi yang kompleks dan dinamik dalam tradisi keserjanaan fiqh Melayu.

Penemuan utama tulisan ini terfokus pada kronologi dan metode penulisan, dari analisis kronologi yang dibincangkan di atas, menunjukkan perkembangan yang jelas dan terarah sepanjang tiga abad kajian:

- Abad ke-17: Era perintis yang meletakkan asas metodologi penulisan dengan fokus kepada penyebaran ajaran Islam kepada masyarakat Melayu
- Abad ke-18: Era kematangan yang menyaksikan kemunculan variasi subjek baharu dan pendekatan penulisan yang lebih mendalam
- Abad ke-19: Era produktiviti dengan 15 karya masyhur yang mencerminkan dinamisme dan kreativiti dalam penulisan fiqh

Manakala kajian mendapati empat tipologi metodologi utama yang menunjukkan kematangan intelektual fuqaha Melayu:

- Penulisan metode asal pengarang: Karya original berdasarkan ijtihad dan pemikiran fuqaha tempatan
- Terjemahan kitab bahasa Arab: Proses adaptasi kreatif yang melibatkan cultural translation
- Bidang soal jawab agama: Pendekatan responsif terhadap permasalahan praktikal masyarakat
- Karya ringkasan atau ulasan: Sintesis dan analisis kritikal terhadap karya-karya terdahulu

Hubungan antara alam Melayu dan haramayn memainkan peranan kritikal dalam membentuk tradisi penulisan, tetapi fuqaha melayu menunjukkan kebijaksanaan dalam proses lokalisasi dan kontekstualisasi yang kreatif. mereka tidak sekadar menerima dan mereproduksi ilmu dari timur tengah, sebaliknya mengadaptasinya mengikut realiti dan keperluan masyarakat tempatan. Kajian ini membuktikan bahawa para fuqaha melayu telah mengembangkan epistemologi yang unik yang menggabungkan kekuatan tradisi skolastik islam klasik dengan pendekatan pragmatik yang disesuaikan dengan konteks sosio-budaya melayu. integrasi unsur-unsur budaya tempatan dalam perbincangan hukum islam menunjukkan kemampuan menjembatani jurang antara teori dan praktik. Selain itu, tradisi fiqh Melayu klasik menawarkan model berharga untuk pengembangan tradisi keilmuan Islam kontemporari yang contextual, accessible, dan impactful. Keseimbangan antara integriti doktrinal dan responsiviti sosial yang diperlihatkan oleh fuqaha Melayu dapat menjadi panduan untuk usaha-usaha pengembangan ilmu Islam masa kini.

Pemetaan sistematik yang dilakukan menunjukkan bahawa Alam Melayu bukanlah penerima pasif tradisi keilmuan Islam, tetapi pusat dinamik yang menghasilkan inovasi dan kontribusi intelektual bermakna kepada khazanah ilmu Islam sejagat. Beberapa cadangan dapat dibuat kepada penulis lain berkiatan dengan tipologi karya fiqh klasik, antaranya, (1) kajian komparatif antara tradisi fiqh Melayu dengan tradisi fiqh di wilayah Islam lain, (2) analisis tekstual mendalam terhadap karya-karya

Tradisi Intelektual dalam Tamadun Islam Alam Melayu: Analisis Kitab Melayu Klasik Abad ke-17 hingga ke-19 individual untuk memahami nuansa metodologi penulisan, dan juga (3) kajian sosio-historis tentang faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan dan kemunduran tradisi penulisan.

Kajian ini menunjukkan bahawa tradisi penulisan karya fiqh Melayu klasik merupakan manifestasi kecemerlangan intelektual yang telah membentuk identiti kesarjanaan Islam di Alam Melayu. Para fuqaha Melayu telah membuktikan kemampuan untuk menghasilkan karya yang tidak hanya memelihara keaslian ajaran Islam, tetapi juga relevan dengan realiti dan keperluan masyarakat tempatan. Warisan intelektual ini bukan sekadar peninggalan sejarah yang patut dihargai, tetapi sumber inspirasi yang hidup untuk pengembangan pemikiran hukum Islam yang berterusan. Dalam menghadapi cabaran-cabaran abad ke-21, umat Islam perlu kembali kepada warisan seperti tradisi fiqh Melayu klasik - bukan untuk mengulangi masa lalu, tetapi untuk belajar dari kejayaan dan wisdom masa lalu dalam membina masa depan yang lebih baik. Dengan demikian, kajian tipologi penulisan karya fiqh Melayu klasik ini memberikan landasan kukuh untuk memahami, menghargai, dan mengembangkan khazanah intelektual umat Islam, khususnya dalam konteks Alam Melayu yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan tradisi keilmuan yang unik.

Rujukan

Abdul Malik, Mohd Puaad, Abdul Hamid, Faisal@Ahmad Faisal dan Abd. Rahim, Rahimin Affandi, "Analisa Perkembangan dan Kearifan Tempatan: Karya Fiqh Melayu Klasik." *Jurnal Fiqh* 17, no. 1 (2020): 89-134.

ad-Dali, Hasanuddin bin Syeikh Muhammad Ma'sum bin Abi Bakar. *al-Maqalah al-Nafi'ah fima Yata'llaqu bi Qabliyyah al-Jum'ah*. Syarikat Tapanuli, 1924.

al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia Press, 1972.

al-Fadani, Muhammad Yasin bin Muhammad bin 'Isa. *al-Fawa'id al-Janniyyah Khashiah al-Mawahib al-Saniyyah ala al-Fawa'id al-Bahiyyah*. Matba'ah al-Bahiyyah, t.t.

al-Fatani, Ismail bin Mamok. *I'arah al-Mutafakkirin fi Ma'rifah al-Warithin*. Patani, 1976.

al-Jambi, Hassan bin Yahya. *Nayl al-Matlub fi 'Amal al-Juyub*. Matba'ah Sharqiyyah, 1925.

al-Jawi, Shaykh Husayn bin Sulayman. *Risalah Bab al-Jum'ah*. Matba'ah al-Miriyyah al-Ka'inah, Mekah, 1899.

al-Kalantani, Nik Muhammad Salih bin Wan Musa. *Masalah Zakat Fitrah*. Matba'ah al-Kamaliyyah, 1947.

al-Lankuri, Isma'il bin Ahmad bin Muhammad Saleh al-Tatani. *Minhaj al-Salimin fi Tariqah al-Mutaqaddimin*. Matba'ah al-Anwar, 1962.

al-Mandili, Syeikh Junid Thala. *Kitab Kaifiyat Mengadakan Waqaf Muslim*. al-Matba'ah al-Marbawiyyah, t.t.

Ali, A. Mukti, "Metodologi Ilmu Agama Islam," dalam *Metodologi Penelitian Agama* ed. Taufik Abdullah. Tiara Wacana, 2004.

Azra, Azyumardi, "The Significance of Southeast Asia (The Jawah World) For Global Islamic Studies: Historical And Comparative Perspectives." *Kyoto Bulletin Of Islamic Area Studies* 8 (2015): 69-87.

Azra, Azyumardi. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Penerbit al-Mizan, 1994.

Bruinassen, Martin. *Kitab Kuning dan Pasatren Tradisi-tradisi Islam di Indonesia*. Mizan 1995, *Fath al-Manan* MSS 121. Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Harun Kemboja, Muhammad Salih bin. *Pedoman Budaya*. Matba'ah al-Asasiyyah, t.t.

Hidayat, Komaruddin. "Pengantar." Dalam *Belajar Islam di Timur Tengah*, ed. Ismatu Ropi dan Kusmana. Departemen Agama RI, t.t.

Huda, Yasrul, Burhanuddin, Jajat dan Kooria, Mahmood, "Strengthening The Shafi'i Madhhab: Malay Kitab Jawi Of Fiqh In The 19th Century." *Juris: Jurnal Ilmiah Syari'ah* 22, no. 2 (2023): 259-273.

Hurgronje, C. Snouck. *Mekka in the Latter Part or the year 19th Century*. E. J. Brill, 1995.
Kamus Dewan Edisi ke-4. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.

Khutbah Jumaat MSS 659. Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.
Kitab Faraid MS 325. Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Laffan, M. F. *Islamic Nationhood and Colonial Indonesia: The Umma Below the Wind*. RoulledgeCurzon, 2003.

Malek, Mohd Zamberi A. *Fatani dalam Tamadun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

Matsyah, Ajidar. "Jaringan Ulama-Ulama Melayu dalam Manuskrip." Makalah, Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan, Banda Aceh, Indonesia, 2013.

Mir'ah al-Tullab yang menjadikan hadis-hadis nabi dalam kupasan perbincangan *fiqh al-Qadi*; *Mir'ah al-Tullab fi Tashil Ma'rifah Ahkam al-Shari'ah li Mulk al-Wahhab* MSS 1532. Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Muhammad Sulum bin Abdul Qadir. *Fatwa yang Mu'tamadah*. Patani Press, t.t.

Najahudin Lateh et al. "Tematik Emas dalam Karya Fiqh Ulama Alam Melayu: Tinjauan Terhadap Kitab al-Sirat al-Mustaqim, Furuk al-Masail dan Bahr al-Madhi." Makalah, Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan, 2013.

Ropi, Ismatu dan Kusmana. "Alumni Timur Tengah dan Disseminasi Otoritas Keislaman di Indonesia." Dalam *Belajar Islam di Timur Tengah* ed. Ismatu Ropi dan Kusmana. Departemen Agama RI, t.t.

Sabil al-Muhtadin li Tafaqquh fi Amr al-Din MS 555. Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Sembahyang Jumaat MSS 111. Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia Kuala Lumpur.

Setyaningsih, Wiwik. *Metodologi Penelitian Tipologi*. Penerbitan dan Percetakan UNS, 2015.

Shamsudin, Muhammad Adib, Yahaya, Mohammad Zaini dan Ab Rahman, Hairulazam, "Metode Penulisan Kitab Matla' al-Badrayn wa Majma' al-Bahrayn." *Jurnal Melayu* 5 (2010): 155-178.

Syahrizal Abbas. *Corak Pemikiran Hukum Islam Syeikh Abdurrauf As-Singkili; Studi terhadap Kitab Mir'ah al-Tullab Hakim Perempuan*. Yayasan Pena, 2008.

Syeikh Muhammad Suhaimi. *Kitab ad-Dilalah fi Tahrir Adillah al-Qiblah wa al-Ahillah*. Haji Muhammad Amin, 1901.

Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin. Surat Persendirian, *Pati Kiraan Pada Menentukan Waktu Yang Lima dan Hala Kiblat dengan Logaritma*, No Ruj: 2006/0036841 (1938), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Ta'yid Tadhkirah Muttabi' al-Sunnah fi al-Rad 'Ala al-Qa'il bi Sunniyyah Rak'atayn Qabl al-Jum'ah, No Ruj: 2006/0036134 (1953), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.


Tradisi Intelektual dalam Tamadun Islam Alam Melayu: Analisis Kitab Melayu Klasik Abad ke-17 hingga ke-19 Tafsir Puisi Hamzah Fansuri. Khazanah Fathaniyah, 1996.

Wan Mohd. Shaghir. *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu.* Persatuan Pengkaji Khazanah Klasik Nusantara dan Khazanah Fathaniyah, 1999.

Wazir, Rosni, "Sorotan Perkembangan Tasawuf di Alam Melayu, Tokoh-Tokoh dan Karyanya," *Jurnal Pengajian Islam* 9, no. 2 (2016): 177-194.

Yusoff, Zawawi dan Zaki, Engku Ahmad. *Manhaj Kesufian Tok Ku Paloh.* Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2015.

Lampiran 1: Tipologi kronologi penulisan karya fiqh Melayu klasik



Lampiran 2: Tipologi kronologi penulisan

TIPOLOGI KRONOLOGI PENULISAN KARYA FIQH MELAYU ABAD KE-17 HINGGA KE-19

